



## SIARAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

22 OGOS 2019

---

### LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

---

22 Ogos 2019, PUTRAJAYA - Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang direkodkan pada hari ini jam 3.00 petang menunjukkan 11 stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 55 stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. **Satu stesen mencatatkan bacaan IPU pada tahap sangat tidak sihat pada hari ini iaitu di Kuala Baram, Sarawak ( IPU 225) dan satu stesen mencatatkan bacaan bahaya iaitu di ILP Miri, Sarawak (IPU 412).**

Bacaan IPU di stesen ILP Miri mencatatkan bacaan pada tahap yang Bahaya di sekitar Kuala Baram disebabkan kawasan hutan dan belukar kembali terbakar dan berasap terutama di sekitar stesen ILP Miri akibat cuaca panas walaupun kerja-kerja pemadaman masih lagi giat dilakukan. Beberapa buah sekolah di kawasan berhampiran juga terpaksa ditutup hari ini akibat keadaan jerebu yang semakin teruk.

Kebakaran hutan yang berlaku di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia masih menyebabkan jerebu merentas sempadan dan memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di semua kawasan di sepanjang Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan bahagian Barat Sarawak dan menyebabkan status kualiti udara negara pada tahap sederhana

JAS telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian

**ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.**

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada **21 Ogos 2019**, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)* 19, 12 titik panas (*hotspot*) dikesan di Sumatera, Indonesia, 22 titik panas (*hotspot*) dikesan di Kalimantan, Indonesia dan 3 titik panas (*hotspot*) dikesan di dalam negara iaitu di Pahang (1) dan Sarawak (2). Terdapat titik-titik panas yang tidak dapat dicerap oleh imej satelit disebabkan oleh litupan awan yang tebal dan laluan satelit tidak dicerap sepenuhnya.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASMC pada **21 Ogos 2019** (Rajah 1) menunjukkan terdapat lingkaran asap jerebu dari kawasan-kawasan kebakaran tanah dan hutan di Riau, Jambi dan selatan Sumatera, Indonesia. Lingkaran asap jerebu juga kelihatan di kawasan Barat dan Tengah Kalimantan, Indonesia. Arah pergerakan angin dari arah Barat Laut telah membawa asap jerebu dari kawasan Sumatera dan Kalimantan yang terjejas ke kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan di bahagian Barat Sarawak dan memberi peningkatan kepada bacaan IPU di kawasan-kawasan tersebut.

**Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan telah diaktifkan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara.**

**Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.**

## **NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

- Orang ramai dinasihatkan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia ([www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;
- Orang ramai diingatkan **agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.** Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.
- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**

-----Tamat-----

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim


Dikeluarkan pada: 3.00 petang, 22 Ogos 2019

### **Maklumat lanjut. sila hubungi:**

Puan Mashitah Darus Pengarah Bahagian Udara Jabatan Alam Sekitar Tel: 019-2983395	En. Wan Aminordin Wan Kamaruddin Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Udara Jabatan Alam Sekitar Tel: 019-7000840
--	---

PETA JEREBU SERANTAU 21 OGOS 2019

Regional Haze Situation



**Latest Weather and Haze Situation**



Scattered showers fell over many parts of the northern ASEAN region today. The rainband associated with Tropical Depression Bailu brought heavy showers to some parts of the Philippines. In contrast, it was generally dry over the southern ASEAN region, except for isolated showers in northern Sumatra, Sarawak and northern Kalimantan. Hotspots and smoke haze continued to be detected in Riau, Jambi and South Sumatra. The smoke haze has been blown to the northwest by the prevailing winds. In Kalimantan, hotspots with smoke haze were detected in West and Central Kalimantan.

Updated 9:30 AM 22 Aug

**Weather and Haze Outlook**

For the next few days, rainy weather can be expected over the northern ASEAN region. Tropical Depression Bailu is expected to strengthen and track northward. The prevailing winds are forecast to blow from the west or southwest. In the southern ASEAN region, showers are forecast mainly over the equatorial region including Malaysia, northern Sumatra and some parts of Kalimantan while dry weather can be expected elsewhere in the region. The prevailing winds are forecast to blow from the southeast or southwest. Hotspot activities in the region are likely to continue.

Updated 9:30 AM 22 Aug



## BILANGAN TITIK PANAS (*HOTSPOT*) 21 OGOS 2019

TARIKH : 21 OGOS 2019  
HARI : RABU  
SATELIT : NOAA19

<b>NEGARA : MALAYSIA</b>		
<b>BIL.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>HOTSPOT</b>
1.	JOHOR	0
2.	KEDAH	0
3.	KELANTAN	0
4.	MELAKA	0
5.	NEGERI SEMBILAN	0
6.	PAHANG	1
7.	PERAK	0
8.	PERLIS	0
9.	PULAU PINANG	0
10.	SABAH	0
11.	SARAWAK	2
12.	SELANGOR	0
13.	TERENGGANU	0
14.	W. P. KUALA LUMPUR	0
15.	W. P. LABUAN	0
16.	W. P. PUTRAJAYA	0
<b>JUMLAH HOTSPOT</b>		<b>3</b>

<b>NEGARA SERANTAU</b>		
<b>BIL.</b>	<b>NEGARA</b>	<b>HOTSPOT</b>
1.	SUMATERA	12
2.	KALIMANTAN	22
3.	BRUNEI	0

## BACAAN IPU BAGI SELURUH MALAYSIA JAM 3.00 PETANG, 22 OGOS 2019

CAQM KU Current API Value & Class			
STATION ID	LOCATION	Date/Time: 22/08/2019 15:00	
		API	CLASS
CA01R	Kangar, PERLIS	34**	Good
CA02K	Langkawi, KEDAH	26**	Good
CA03K	Alor Setar, KEDAH	33**	Good
CA04K	Sungai Petani, KEDAH	52**	Moderate
CA05K	Kulim Hi-Tech, KEDAH	48**	Good
CA06P	Seberang Jaya, PULAU PINANG	53**	Moderate
CA07P	Seberang Perai, PULAU PINANG	52**	Moderate
CA08P	Minden, PULAU PINANG	51**	Moderate
CA09P	Balik Pulau, PULAU PINANG	46**	Good
CA10A	Taiping, PERAK	52**	Moderate
CA11A	Tasek Ipoh, PERAK	60**	Moderate
CA12A	Pegoh Ipoh, PERAK	60**	Moderate
CA13A	Seri Manjung, PERAK	66**	Moderate
CA14A	Tanjung Malim, PERAK	49**	Good
CA15W	Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR	72**	Moderate
CA16W	Cheras, W.P. KUALA LUMPUR	67**	Moderate
CA17W	Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA	66**	Moderate
CA18B	Kuala Selangor, SELANGOR	56**	Moderate
CA19B	Petaling Jaya, SELANGOR	71**	Moderate
CA20B	Shah Alam, SELANGOR	70**	Moderate
CA21B	Klang, SELANGOR	75**	Moderate
CA22B	Banting, SELANGOR	66**	Moderate
CA23N	Nilai, NEGERI SEMBILAN	80**	Moderate
CA24N	Seremban, NEGERI SEMBILAN	69**	Moderate
CA25N	Port Dickson, NEGERI SEMBILAN	69**	Moderate
CA26M	Alor Gajah, MELAKA	77**	Moderate
CA27M	Bukit Rambai, MELAKA	74**	Moderate
CA28M	Bandaraya Melaka, MELAKA	76**	Moderate
CA29J	Segamat, JOHOR	73**	Moderate
CA31J	Batu Pahat, JOHOR	69**	Moderate
CA32J	Kluang, JOHOR	65**	Moderate
CA33J	Larkin, JOHOR	62**	Moderate
CA34J	Pasir Gudang, JOHOR	59**	Moderate
CA35J	Pengerang, JOHOR	55**	Moderate
CA36J	Kota Tinggi, JOHOR	53**	Moderate
CA66J	Tangkak, JOHOR	77**	Moderate
CA37C	Rompin, PAHANG	82**	Moderate
CA38C	Temerloh, PAHANG	75**	Moderate
CA39C	Jerantut, PAHANG	60**	Moderate
CA40C	Indera Mahkota Kuantan, PAHANG	85**	Moderate
CA41C	Balok Baru Kuantan, PAHANG	87**	Moderate
CA42T	Kemaman, TERENGGANU	66**	Moderate
CA43T	Paka, TERENGGANU	64**	Moderate
CA44T	TERENGGANU	61**	Moderate

**CAQM KU Current API Value & Class**

STATION ID	LOCATION	Date/Time: 22/08/2019 15:00	
		API	CLASS
CA44T	TERENGGANU	61**	Moderate
CA45T	Besut, TERENGGANU	64**	Moderate
CA46D	Tanah Merah, KELANTAN	57**	Moderate
CA47D	Kota Bharu, KELANTAN	62**	Moderate
CA48S	Tawau, SABAH	29**	Good
CA49S	Sandakan, SABAH	37**	Good
CA50S	Kota Kinabalu, SABAH	51**	Moderate
CA51S	Kimanis, SABAH	44**	Good
CA52S	Keningau, SABAH	53**	Moderate
CA53L	Labuan, W.P. LABUAN	55**	Moderate
CA54Q	Limbang, SARAWAK	49**	Good
CA55Q	ILP Miri, SARAWAK	412**	Hazardous
CA56Q	Miri, SARAWAK	96**	Moderate
CA57Q	Samalaju, SARAWAK	53**	Moderate
CA58Q	Bintulu, SARAWAK	61**	Moderate
CA59Q	Mukah, SARAWAK	51**	Moderate
CA60Q	Kapit, SARAWAK	45**	Good
CA61Q	Sibu, SARAWAK	59**	Moderate
CA62Q	Sarikei, SARAWAK	55**	Moderate
CA63Q	Sri Aman, SARAWAK	62**	Moderate
CA64Q	Samarahan, SARAWAK	55**	Moderate
CA65Q	Kuching, SARAWAK	62**	Moderate

**Summary CAQM KU (Current API Value & Class)**

API Class	Number of Areas
Good	11
Moderate	53
Unhealthy	0
Very Unhealthy	0
Hazardous	1
NA	0

**MCAQM KU (Current API Value & Class)**

STATION ID	LOCATION	Date/Time:22/08/2019 15:00	
		API	STATUS
MCAQM001	Johan Setia	93**	Moderate
MCAQM002	SK Kuala Baram 2	225**	Very Unhealthy
MCAQM003	Politeknik Kota Kinabalu	55**	Moderate

